

24 NOV 1999

CHINA-REFORMASI KEWANGAN

CHINA SOKONG GESAAN MAHATHIR UBAH SISTEM KEWANGAN GLOBAL

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri China Zhu Rongji memberikan sokongannya kepada gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengubah sistem kewangan global.

Zhu berkata terdapat kemungkinan ekonomi yang terjejas oleh krisis kewangan akan diserang semula kecuali ia diubah.

Beliau membuat ulasan ini ketika sesi soal jawab di majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia (NCCIM), di sini, hari ini.

Zhu memaklumkan bahawa Dr Mahathir telah mencadangkan langkah-langkah untuk mengukuhkan penyeliaan modal antarabangsa dan mencadangkan banyak inisiatif bagi kerjasama lebih erat di kalangan negara-negara Asia untuk mengelakkan krisis kewangan daripada berlaku sekali lagi di masa depan.

"China bersedia untuk meneruskan kerjasama dalam perkara ini," katanya.

Zhu juga berkata China kagum bahawa Malaysia boleh menerima pakai dasar dan langkah-langkah yang bersesuaian dengan keadaan di Malaysia.

Beliau menambah berikutan pelaksanaan dasar itu, Malaysia kini berjaya mencapai pemulihan ekonomi.

Zhu berkata meskipun reaksi negatif daripada media asing yang sering mengkritik dasar Malaysia, "Saya secara peribadi memaklumkan kepada PM (Mahathir) bahawa dasar yang diguna pakai adalah tepat."

-- BERNAMA

LES ZK MA